

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Frequently asked questions (FAQ)

BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)

1. Pn. Rogayah binti Ahmad merupakan seorang Pembantu Tadbir (P/O) di Sekolah Teknik Sepang telah bertukar keluar tanpa pengganti. Ketua Jabatan sekolah tersebut telah memberi kebenaran kepada Pembantu Am Rendah di unit tersebut untuk menjalankan tugas kewangan sepenuh masa memandangkan tiada pegawai untuk membuat kerja-kerja kewangan. Pegawai tersebut telah memohon untuk dibayar Bayaran Insentif Tugas Kewangan mengikut peraturan sedia ada, bolehkah pegawai tersebut dibayar bayaran insentif tugas kewangan?

Jawapan :

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999, Bayaran Insentif Tugas Kewangan hanya dibayar kepada PT (P/O) dan Pembantu Akauntan yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2001, perkara 4 (pemanjangan BITK) pekeling tersebut menjelaskan bahawa Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) telah dipanjangkan kepada skim perkhidmatan lain yang setaraf atau lebih rendah dari PT (P/O), Pembantu Akauntan dan PT (K) yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa. Ini bermakna, Pembantu Am Rendah tersebut layak dibayar Bayaran Insentif Tugas Kewangan mengikut kadar yang dijelaskan dalam perkara 7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999.

2. Seorang pegawai PT(P/O) yang menerima Elaun BITK telah cuti bersalin selama 90 hari (3 bulan) mulai 1 September 2018 sehingga 29 November 2018. Adakah pegawai layak menerima Elaun BITK sepanjang tempoh beliau cuti bersalin?

Jawapan :

Mengikut perkara 9, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2001, seseorang pegawai yang menerima Elaun Bayaran Insentif Tugas Kewangan tetapi telah meninggalkan tugasnya selama 28 hari atau lebih secara berturut-turut, bayaran tersebut hendaklah dihentikan dalam tempoh berkenaan. Walau bagaimanapun, pengecualian adalah diberikan bagi pegawai yang meninggalkan tugas bagi tempoh tidak melebihi 92 hari berturut-turut termasuk cuti mingguan dan hari kelepasan am dalam keadaan berikut:

- Menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan;
- Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan; dan
- Bercuti sakit yang disokong oleh Sijil Sakit mengikut Perintah Am Bab 'C'.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Frequently asked questions (FAQ)

BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)

Dalam perkara berikut, Bayaran Insentif Tugas Kewangan hendaklah dihentikan kerana Cuti Bersalin bukan dianggap sebagai cuti sakit tetapi Cuti Pemulihan.

3. Abu Bakar bin Kasim yang baru bertugas di Unit Kewangan pejabatnya diarah membuat bayaran BITK kepada kakitangan yang telah menjalankan tugas tugas Kewangan oleh Ketua Jabatannya. Berdasarkan pekeliling, Siapakah pegawai yang layak untuk menerima Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)?

Jawapan :

Bayaran BITK dibayar kepada pegawai yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa seperti dalam Para 3 dan Lampiran A (Bidang Tugas Kewangan secara Terperinci) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2001 yang mana mempunyai enam (6) bidang kewangan seperti berikut;

- a) Pengurusan dan Kawalan Belanjawan
- b) Pengurusan Kewangan AM
- c) Pengurusan Terimaan
- d) Pengurusan Perolehan Kerajaan
- e) Pengurusan Bayaran Emolumen
- f) Pengurusan Pembayaran
- g) Pengurusan Akaun ; dan
- h) Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman.

4. Seorang Pembantu Tadbir (P/O) En. Mohammad bin Halim telah diarahkan berkhidmat di sebuah pejabat kecil di Sabah bagi menjalankan kerja- kerja pejabat bersendirian. Beliau telah diarahkan oleh Ketua Jabatannya supaya melaksanakan kerja-kerja Kewangan juga kerana dipejabatnya hanya beliau seorang sahaja yang bertugas di unit pentadbiran. Adakah beliau boleh memohon untuk mendapatkan elaun BITK?

Jawapan :

Berdasarkan Pekeliling Bilangan 5 Tahun 2001, para 5, Pegawai Pegawai boleh menimbang dan meluluskan bayaran BITK kepada anggota yang ditempatkan berkhidmat bersendirian di pejabat kecil dan menjalankan tugas dalam bidang Kewangan dan tugas –tugas lain.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Frequently asked questions (FAQ)

BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)

5. En. Ali bin Samad adalah Pegawai Uniform gred 19 di bawah skim perkhidmatan lain bukan kewangan telah berkhidmat di sebuah pejabat di Negeri Pahang. Memandangkan di pejabatnya tiada Pembantu Tadbir (P/O), Pembantu Akauntan (PA) dan Pembantu Tadbir (Kewangan) (PT(K) untuk melakukan kerja-kerja Kewangan, beliau telah diminta oleh Ketua Jabatannya supaya melaksanakan kerja kerja Kewangan tersebut sepenuh masa di pejabatnya. Adakah beliau layak dibayar elaun BITK?

Jawapan :

Berdasarkan Perkeliling 5 Tahun 2001 para 4, Bayaran BITK boleh dipanjangkan kepada skim perkhidmatan lain yang setaraf yang melakukan tugas tugas Kewangan sepenuh masa dan boleh dibayar mengikut mengikut pekeliling PP 3/1999.

6. En. Rahmat bin Kassim seorang Pembantu Kastam gred W19 telah diarahkan untuk menjalankan kerja-kerja kewangan disamping tugas hakiki beliau. Beliau telah menuntut BITK dibayar kepada beliau. Adakah beliau layak untuk dibayar BITK?

Jawapan :

Beliau adalah tidak layak dibayar BITK kerana beliau tidak melaksanakan kerja kewangan sepenuh masa. Berdasarkan Perkeliling 5 Tahun 2001 para 4, Bayaran BITK boleh dipanjangkan kepada skim perkhidmatan lain yang setaraf yang melakukan tugas tugas Kewangan sepenuh masa dan boleh dibayar mengikut mengikut pekeliling PP 3/1999.